

MENCARI LUBUK REZEKI

Fattah tak luntur semangat apabila kawan menjauhkan diri selepas tidak lagi jadi ADUN



Oleh Aniza Zainudin
anizazainudin@hmetro.com.my

Sebaik tamat tempoh berkhidmat kepada masyarakat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku pada 1999, ramai teman Datuk Abdul Fattah Abdullah yang dulunya rapat, mula menjauhkan diri apabila melihat kedudukan politik beliau.

Pada usia 40-an, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) ini tidak mempunyai kerjaya tetap dan pendapatan kukuh bagi menampung kehidupan keluarga.

Dalam usaha mencari lubuk rezeki, anak jati Lubuk Kulit, Kuala Lipis, Pahang ini terpaksa menjual kereta, rumah, malah barang keemas isterinya.

"Sebelum bergelar Yang Berhormat (YB), saya bekerja di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) selama 16 tahun dan pernah ditempatkan di Petaling Jaya, Kuala Pilah, Temerloh dan Kuantan.

"Apabila aktif dan nekad menyertai politik, saya meletakkan jawatan pada 1995 sebelum terpilih sebagai ADUN Padang Tengku selama sepenggal.

"Langit tidak selalu cerah apabila karier politik terhenti selepas empat tahun, sekali gus memaksa saya mencari pekerjaan baru untuk meneruskan kehidupan," katanya ketika ditemui.

Simpanan habis digunakan bagi tujuan berkempen membuatkan perasaan Abdul Fattah lebih khawatir, tambahan pula anaknya masih bersekolah dan memerlukan perbelanjaan besar.

Lebih menyentuh perasaan lelaki berusia 55 tahun ini apabila menyaksikan penerimaan dan kesedihan ditanggung anaknya yang sebelum ini terbiasa dengan kehidupan senang.

Meskipun berasa rendah diri dengan situasi dihadapi, Abdul Fattah berfikir sedalam-dalamnya untuk kembali bangkit dan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Menariknya, kesulitan dihadapi beliau dilihat dari perspektif positif apabila Ahli Lembaga Pengarah Felcra Berhad ini membuat keputusan melanjutkan pengajian ke peringkat diploma dan ijazah secara serentak.

Pada 1999, Abdul Fattah mendaftarkan diri untuk mengikuti program Diploma Profesional Keusahawanan dan Pengurusan Per-



BANGKIT daripada kejatuhan.



BERSAMA Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

PROFIL

NAMA: Datuk Abdul Fattah Abdullah
JAWATAN: Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
ASAL: Lubuk Kulit, Kuala Lipis, Pahang
LAHIR: 1 Oktober 1959
ISTERI: Datin Fauziah Talib
ANAK: Mohd Faiq (29), Mohd Fikri (26), Nor Farhatun (23) dan Mohd Fakrul Aiman (18)
PENDIDIKAN: Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (2004)

FOTO KHAIRUL HELMY MOHD DIN



INGIN menjadikan sektor koperasi sebagai satu kuasa besar kepada ekonomi negara.

Komunikasi dari Universiti Putra Malaysia.

Kemudian, perniagaan dijalankan Abdul Fattah menerima rezeki yang tidak disangka apabila mendapat tender membangunkan portal pendidikan seluruh Malaysia bernilai ratusan ribu.

Memegang jawatan sebagai ahli lembaga penasihat di beberapa agensi, termasuk Lembaga Tabung Haji Malaysia dan Lembaga Tembakau Negara, Abdul Fattah akhirnya bangkit dan terus maju ke depan.

Sebelum menyertai ANGKASA pada 2006, Abdul Fattah terlebih dulu mengenali Koperasi Pekebun Kecil Daerah Lipis Berhad sejak 2000 hingga sekarang, malah memegang jawatan sebagai pengurus.

Dilantik sebagai Timbalan Presiden ANGKASA sejak 2010, Abdul Fattah kemudian diberi kepercayaan menggalas tanggungjawab presiden pada Jun 2013.

Membawa pembaharuan dengan menerapkan nilai korporat dalam koperasi dan bekerja sebagai satu pasukan, Abdul Fattah kian optimis apabila sektor koperasi menyumbang kira-kira RM32.9 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), malah mensasarkan peningkatan sebanyak 10 peratus pada masa depan.

Bergelar payung kepada 11,500 koperasi dengan keahlian mencapai lapan juta seluruh Malaysia, lelaki ini sedaya upaya menggerakkan sektor koperasi untuk menjadi satu kuasa kuat dan pengaruh besar bagi pola ekonomi negara.

Berhasrat mengembangkan

pengaruh koperasi kepada bidang peruncitan, Abdul Fattah melihat inisiatif itu bakal menyelesaikan masalah tekanan dihadapi pengguna hasil orang tengah.

Berkongsi cerita zaman kanak-kanak, anak kampung ini dilahirkan dalam keluarga sederhana yang bergantung kehidupan dengan pendapatan bapa sebagai guru agama dan hasil pertanian.

"Tinggal di kampung yang dikelilingi saudara mara membuat kehidupan lebih seronok. Meskipun bapa seorang guru, ia tidak bererti kehidupan kami sekeluarga jauh lebih senang.

"Sebaliknya, ia cukup untuk menampung keperluan saja manakala selebihnya saya sebagai anak kampung masih melakukan kerja-kerja kampung seperti menuai padi, menoreh getah, berburu, malah mencari ikan di sungai.

"Sejak kecil, saya menerima pendedahan dalam bergaul dengan masyarakat kerana kerap mengikuti bapa menghadiri majlis kenduri," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tengku ini.

Mencungkil karier politik diceburinya, Abdul Fattah mengakui penyertaan disebabkan ingin membantu dan berkhidmat untuk masyarakat, terutama di kampung asalnya.

Ia terbukti apabila menjadikan kampungnya sebagai kampung angkat Pergerakan Pemuda UMNO Lipis sewaktu memegang jawatan sebagai Pengurus Biro Politik Pemuda UMNO Bahagian Lipis pada 1988 hingga 2000.



BERSAMA Tan Sri Muhyiddin Yassin.



VERBATIM

Aktiviti masa lapang?

Saya suka pulang ke Kuala Lipis untuk melihat kebun di sana.

Aktiviti bersama keluarga?

Melancong bersama-sama di dalam negeri seperti Pulau Langkawi dan Pulau Tioman.

Makanan kegemaran?

Gulai tempoyak ikan patin, gulai asamrong dan sambal belimbing hitam.

Senaman rutin?

Berjogging selama sejam, tiga kali seminggu.

Pendorong?

Keluarga dan arwah bapa, Abdullah Awang.

Tokoh dikagumi?

Tun Dr Mahathir Mohamad.

Prinsip hidup?

Hidup ini mudah, usah dirumitkan.

RENDAH diri menjadi identiti Abdul Fattah.